

Pengganti Salahuddin akan diisi segera - Anwar

Oleh MOHD. HUSNI

MOHD. NOOR

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih 'berteka-teki' tentang calon sesuai bagi mengisi kekosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kekosongan itu akan diisi secepat mungkin.

"Insya-Allah, kita akan isi kekosongan itu, kalau ada cadangan, sila tulis surat kepada saya secepat mungkin," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Nasyrul Quran di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada akan berlaku rombakan kecil dalam Kabinet bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut susulan kematian Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai lalu.

Ditanya sama ada kerajaan akan meletakkan calon Ahli Parlimen Parti Amanah Negara (Amanah), Suhaizan Kayat yang menang di Parlimen Pulau baru-baru ini, Anwar bagaimanapun enggan mengulas perkara itu.

"Kena tulis surat kepada saya, saya timbang," katanya.

Sebelum ini dua ahli Parlimen daripada Amanah disebut-sebut sebagai individu yang akan mengisi kekosongan jawatan berkenaan.

Mereka ialah Ahli Parlimen Alor Gajah, Adly Zahari yang kini menyandang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan dan seorang lagi Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.



ANWAR Ibrahim mencium al-Quran yang diwakafkan sebagai simbolik Majlis Solidariti Wakaf Sejuta Al-Quran di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau, Suhaizan yang juga 'orang kepercayaan' Allahyarham Salahuddin berjaya memenangi kerusi berkenaan dengan majoriti lebih 18,000 undi.

Sementara itu, Anwar tidak menolak kemungkinan untuk memberi penjelasan berhubung keputusan melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di Parlimen.

"Mungkin. Insya-Allah" ka-

tanya ketika ditanya sama ada beliau bersedia memberi penjelasan mengenai DNAA itu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim sebelum ini menggesa Perdana Menteri memberi penjelasan sendiri di Dewan Rakyat mengenai keputusan DNAA Ahmad Zahid.

Hassan berkata, penjelasan itu penting bagi membolehkan Ahli Parlimen pembangkang mendapat penjelasan sebenar mengenai isu berkenaan.

Sebelum ini, Anwar menegaskan beliau tidak pernah campur tangan dalam kes mahkamah melibatkan Ahmad Zahid.

Malah, Anwar juga menyatakan tidak pernah memberi arahan kepada bekas Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun berkaitan permohonan menghentikan prosiding yang mendorong kepada keputusan mahkamah melepas tanpa membebaskan terhadap Ahmad Zahid daripada 47 pertuduhan.